



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA MENGENAI HARTANAH PERTAMA YANG BERJAYA DIJUAL  
SECARA DALAM TALIAN MELALUI SISTEM e-LELONG**

Pada 7 September 2017 jam 11.00 pagi, satu hartanah yang beralamat di No. 29 Lorong Seri Mahkota Jaya 7, 25150 Kuantan Pahang telah berjaya dijual secara dalam talian melalui sistem e-Lelong. Hartanah ini telah dipaparkan di Portal e-Lelong semenjak 3 Ogos 2017. Hartanah tersebut telah berjaya dijual pada harga jualan sebanyak RM130,000. Ini merupakan hartanah pertama yang berjaya dijual secara dalam talian melalui sistem e-Lelong.

Sistem e-Lelong ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara pada **27 Julai 2017** di Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang. Sistem e-Lelong ini merupakan inisiatif Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) untuk mengubah proses kerja lelong awam harta tak alih secara manual kepada secara dalam talian (*online*). Inisiatif ini diambil bagi menambah baik tahap penyampaian perkhidmatan Mahkamah, serta meningkatkan ketelusan dan efisiensi proses lelong awam harta tak alih di Mahkamah Tinggi Malaya.

**BERTARIKH 8 SEPTEMBER 2017**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**